

SMK TAN SRI ABDUL KADIR, FELDA TENGGAROH 5

SOALAN RAMALAN PMR

Arahan: Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A,B, C, dan D. Pilih satu yang terbaik bagi tiap-tiap soalan..

1. Antara berikut, yang manakah pengertian sejarah yang paling tepat?

- A Semua bahan tinggalan manusia pada masa lampau.
- B Catatan yang dihasilkan oleh ahli sejarah
- C Segala peristiwa penting yang dirakamkan
- D Segala peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa lampau

2.

- | |
|---|
| I temu ramah
II rakaman video
III ulasan Sejarah Melayu
IV Catatan Munshi Abdullah |
|---|

Yang manakah antara berikut ialah sumber sekunder?

- | | |
|------|-------|
| A I | C III |
| B II | D IV |

3. Apakah kegiatan ekonomi yang menunjukkan masyarakat Zaman Mesolitik adalah lebih Maju daripada Masyarakat Mesolitik?

- | | |
|------------------------|------------------|
| A Berburu | C Menangkap ikan |
| B Memungut hasil hutan | D Bertani |

4.

Kerajaan Kedah Tua dan Kerajaan Majapahit telah berkembang dengan maju pada kurun kelima.

Berdasarkan penyertaan di atas,apakah faktor utama yang membantu perkembangan kerajaan-kerajaan tersebut?

- A pemerintahan yang berkesan
- B tentera yang besar
- C pelabuhan yang kaya
- D kaya dengan sumber alam

5.

Dongson di Vietnam. Ban Chiang di Negara Thai.

Kedua-dua tempat yang disenaraikan di atas masyhur sebagai

- A pusat pentadbiran yang kuat
B pusat perkembangan falsafah
C pusat pengeluaran alat-alat gangsa
D pusat perdagangan Zaman Neolitik
6. Apakah persamaan antara *Suma Oriental* dengan *Sejarah Melayu* mengenai pengasas Melaka?
- A berketurunan Raja Iskandar Zulkarnain
B berasal dari Palembang
C melarikan diri ke Tanah Melayu selepas pemberontakan di Palembang
D muncul secara ghaib di Bukit Seguntang
7. Antara berikut yang manakah **bukan** kesan daripada perluasan kuasa Melaka?
- A perkembangan perdagangan
B penyebaran agama Islam
C penggunaan mata wang yang luas
D pengukuhan ekonomi Melaka
8. Melaka menjalin hubungan persahabatan dengan China sejak tahun 1403. Apakah kesan utama hubungan itu?
- A menjamin kebebasan Melaka daripada ancaman musuhnya
B menambahkan keagungan kerajaan Melaka
C menggalakkan penghijrahan orang Cina ke Melaka
D mendapatkan pengiktirafan kerajaan Cina
9.

• Sentiasa diberi tugas ke luar negeri; • Mempunyai kehandalan dalam seni mempertahankan diri; • Mengiringi sultan apabila baginda berangkat.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah jawatan tersebut dalam sistem pentadbiran Melaka?

- A Temenggung
B Bendahara
C Syahbandar
D Laksamana

10. Mereka merupakan penduduk awal di Melaka dan pengikut setia Parameswara.
- Siapakah yang dimaksudkan dalam pernyataan di atas?
- A Orang Minangkabau
 - B Orang Bugis
 - C Orang Laut
 - D Orang Melayu
11. Melaka telah jatuh ke tangan portugis pada tahun 1511. Apakah kesan langsung kejatuhan Melaka?
- A tamatnya kesultanan melayu Melaka
 - B jajahan Melaka di sumatera dikuasai oleh Portugis
 - C munculnya kerajaan baru di Johor dan Perak
 - D pengunduran sultan Mahmud ke Rokan
12. Johor mempunyai sistem pentadbiran yang teratur . Siapakah yang bertugas menjalankan kerja pentadbiran negeri?
- A Sultan
 - B Menteri Besar
 - C Temenggung
 - D Bentara Luar
13. Pada masa pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah II (1663-1677), kerajaan Johor telah mencapai puncak zaman kegemilangan.
- Apakah sumbangan baginda kepada kerajaan Johor?
- A perkembangan perdagangan
 - B perluasan tanah jajahan
 - C penyebaran agama Islam
 - D penubuhan tentera yang besar
14. Pada awal pengasasannya, kedudukan kerajaan Johor masih belum kukuh kerana terlibat dalam Perang Tiga Segi.
- Apakah tujuan **utama** penglibatan Johor dalam perang tersebut?
- A menawan semula Melaka
 - B melemahkan kuasa Aceh
 - C menghalang Portugis menguasai jajahan Melaka
 - D meluaskan kuasa Johor

15.

Serangan utama - 1515
Serangan kedua - 1519
Serangan ketiga - 1523


Serangan di atas dilakukan oleh Sultan Mahmud ke atas Melaka dari Johor?
Mengapakah serangan baginda gagal?

- A askar baginda tidak perang bersungguh-sungguh
- B Melaka mempunyai Kota A Famosa yang kukuh
- C Melaka mendapat bantuan dari negeri-negeri Melayu yang lain
- D baginda menggunakan strategi perang yang kurang berkesan

16. Bagaimanakah James Brooke dapat menguasai negeri Sarawak?

- A beliau membantu kerajaan Brunei melepaskan pemberontakan
- B beliau menyelamatkan persisiran pantai daripada serangan lanun
- C beliau mengusir Pangeran Indera Mahkota
- D baginda menggunakan strategi perang yang kurang berkesan

17.



Sultan Kedah telah menghubungi kedua-dua syarikat tersebut apabila baginda dalam keadaan yang terdesak.

Apakah yang diharapkan oleh baginda daripada syarikat tersebut?

- A bantuan kewangan
- B kerjasama menghapuskan lanun
- C bantuan ketenteraan
- D berkongsi niaga dalam syarikat tersebut

18. Apakah faktor utama British menduduki Singapura pada tahun 1819?

- A British mendapati Singapura bebas daripada ancaman lanun
- B British ingin menghapuskan pengaruh Belanda di Kepulauan Melayu
- C British memerlukan sebuah pangkalan tentera yang strategik
- D British berhasrat menguasai Tanah Melayu

19. Selepas termeterainya Perjanjian Inggeris-Belanda, British telah mempunyai tiga pangkalan di Tanah Melayu.

Ketiga-tiga pangkalan tersebut digabungkan menjadi

- A Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- B Negeri Naungan British
- C Negeri-negeri Selat
- D Tanah Jajahan Mahkota British

20. Andrew Clarke mendapat peluang untuk campur tangan di Perak apabila

- A Raja Abdullah meminta bantuan British
- B kapal lanun British diserang lanun
- C pembunuhan seorang rakyat British
- D kongsi gelap cina merebut lombong bijih timah

21. Mengapakah British memperkenalkan Dasar Desentralisasi di Negeri-negeri Melayu Bersekutu?

- A untuk memujuk Negeri-negeri Melayu yang lain menyertai Persekutuan
- B untuk menambahkan kecekapan pentadbiran
- C untuk melatih orang Melayu dalam hal pentadbiran
- D untuk meluaskan rancangan pembangunan ekonomi

22. Menjelang pertengahan abad ke-19, orang British mengambil tindakan untuk campur tangan dalam negeri-negeri Melayu.

Apakah dorongan **utama** yang mempengaruhi British berbuat demikian?

- A mententeramkan keadaan huru-hara di neger-negeri Melayu
- B memperkenalkan sistem pentadbiran yang lebih cekap
- C menguasai kekayaan hasil bumi negeri-negeri Melayu
- D mengelakkan huru-hara ke Negeri-negeri Selat

23.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Perjanjian Sulit British-Siam 1897• Perjanjian Sempadan 1899• Perjanjian Bangkok 1909 |
|---|


Apakah **kesan** daripada perjanjian tersebut ke atas negeri-negeri Melayu?

- A Negeri-negeri Melayu Utara dikuasai oleh Siam
- B Negeri-negeri Melayu Utara dikuasai oleh British
- C Negeri-negeri Melayu Utara bebas daripada ancaman kuasa asing
- D Negeri-negeri Melayu Utara boleh berdagang secara bebas dengan Siam

24. Penduduk Terengganu tidak dapat bersabar dengan pelaksanaan peraturan yang diperkenalkan oleh Britishah.
Peraturan itu berkaitan

A penghapusan hak memungut cukai oleh pembesar Melayu
B permohonan pas kebebasan untuk membuka tanah dan bercucuk tanam
C penghapusan amalan hamba
D pengenalan undang-undang British

25.



Dalam rajah di atas, X ialah

- A pemberontakan di Sarawak
B pentadbiran Sarawak
C Ketua Anak Negeri
D pembesar Brunei di Sarawak
26. Alfred Dent telah menghadapi masalah kekurangan modal memajukan perniagaan di Sabah.
Apakah tindakan yang diambil oleh beliau untuk menyelesaikan masalah ini?
- A menjual haknya kepada Overbeck
B meminta bantuan kewangan daripada kerajaan British
C menaikkan cukai di persisiran pantai Sabah
D memperoleh Piagam Diraja daripada kerajaan British
27. Semasa pemerintahan Brooke, Sarawak dibahagikan kepada lima bahagian.
Siapakah yang mengetuai oleh setiap Bahagian tersebut?
- A Gabenor Jeneral
B Residen
C Gabenor
D Pegawai Anak Negeri
28. Ketua agama Islam bagi negeri Melaka dan Pulau Pinang ialah
- A Perdana Menteri Persekutuan
B Yang di-Pertuan Agung
C Yang Dipertua Negeri
D Yang dipertua Agama Islam Negeri

29.

- Lidah Benar
- Suara Benar
- Pengasuh

Apakah tujuan Kaum Tua menerbitkan akhbar-akhbar di atas?

- A memperjuangkan hak-hak orang Melayu
- B mengutuk Sultan Melayu
- C menentang dan mengkritik idea-idea Kaum Muda
- D memperjuangkan pembaharuan-pembaharuan dalam agama Islam

30.

- 1922 – Rancangan Sekatan Stevenson
- 1934 – Rancangan Getah Antarabangsa

Nyatakan persamaan yang terdapat pada kedua-dua rancangan di atas.

- A berusaha menggalakkan perkembangan perusahaan getah
- B bertujuan menstabilkan harga getah
- C bertanggungjawab memasarkan hasil barangan getah
- D mencari kegunaan getah yang baru

31. Kerajaan melaksanakan Rancangan Malaysia Pertama untuk meningkatkan taraf hidup orang tempatan.

Apakah tujuan **utama** dalam rancangan tersebut?

- A pembangunan industri berat
- B penambahan pengangkutan moden
- C pembangunan luar bandar
- D pembinaan rumah kos rendah

32. Dalam negara kita, apakah fungsi **utama** parlimen?

- A melantik pentadbir kerajaan
- B melaksanakan dasar-dasar kerajaan
- C mengubal undang-undang
- D memastikan kuasa eksekutif tidak disalah gunakan

33. Apakah yang diminta oleh PKM daripada kerajaan British dalam Rundingan Baling 1955?

- A memberi pengampunan kepada semua bekas komunis
- B mewujudkan Baling sebagai kubu PKM
- C mengiktiraf PKM sebagai sebuah parti yang sah
- D melantik Chin Peng dalam Sistem Ahli

34. Tindakan ketenteraan pihak British untuk menentang komunis didapati kurang berkesan. Apakah punca kegagalan tersebut?
- A jumlah anggota komunis semakin besar
 - B anggota komunis menggunakan senjata yang lebih canggih
 - C komunis menggunakan taktik Perang Gerila
 - D orang cina dan melayu menyokong komunis
35. Sikap kerjasama dan tolak ansur jelas kelihatan dalam Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC. Apakah sikap tolak ansur ahli MCA dan MIC terhadap ahli UMNO?
- A bersetuju menyerahkan kuasa pentadbiran kepada orang melayu
 - B bersetuju menerima Perdana Menteri daripada kaum melayu
 - C bersetuju mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan keistimewaan orang Melayu
 - D bersetuju menubuhkan sekolah aliran melayu
36. Selepas tahun 1902, pembinaan jalan raya telah diusahakan dengan lebih giat lagi. Apakah faktor yang menggalakkan perkembangan sistem jalan raya yang pesat?
- A terciptanya jentera pembinaan yang moden
 - B kedatangan banyak pelabur Barat
 - C perkembangan ekonomi yang pesat
 - D pengenalan kenderaan motor
37. Syed Syekh Al-Hadi dianggap sebagai pejuang nasionalisme yang penting. Perjuangan beliau dipengaruhi oleh
- A Gerakan Khilafat
 - B Gerakan Pemuda Turki
 - C Parti Komunis Islam
 - D Gerakan Pemulihan Islam
38. Antara projek yang dijalankan oleh HICOM ialah
- A pengeluaran kereta oleh Perusahaan Atomobil Nasional Berhad
 - B projek penapisan minyak di Port Dickson
 - C pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan
 - D pembinaan Jambatan Pulau Pinang

39.

- Umur persekolahan murid meningkat
- Penyelarasan sistem peperiksaan
- Kelas bahasa ibunda dibenarkan

Penyataan di atas merupakan cadangan-cadangan yang terkandung dalam

- A Penyata Rahman Talib
- B Laporan Razak
- C Laporan Kabinet
- D Laporan Barnes

40. Apakah dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengurangkan jurang perbezaan pendapatan antara kaum pada tahun 1970?

- A Dasar Pensyarikatan
- B Dasar Penswastaan
- C Dasar Ekonomi Baru
- D Dasar Pandang Ke Timur

41. Orang-orang Cina dari Singapura digalakkan digalakkan berhijrah ke Negeri Johor pada abad ke-19.

Apakah sistem yang telah digunakan untuk membawa masuk orang-orang cina ke Johor?

- A Sistem Kangani
- B Sistem kangcu
- C Surat Sungai
- D Kangkar

42. Sebelum Perang Dunia Kedua, orang melayu kurang memegang jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan.

Apakah sebab keadaan ini wujud?

- A Orang Melayu hanya berminat dalam pertanian
- B Orang Melayu hanya tertumpu di kampung
- C Orang Melayu enggan bekerja dengan British
- D Orang Melayu mempunyai pendidikan rendah sahaja

43. Matlamat **utama** pendidikan mengikut Penyata Razak 1956 ialah untuk

- A membekalkan tenaga buruh yang mahir
- B mencapai perpaduan yang lebih erat
- C menentukan supaya semua orang mendapatkan pendidikan asas
- D menambah bilangan pelajar yang berpendidikan tinggi


44. Tunku Abdul Rahman telah memainkan peranan penting dalam menentang Dasar Aparteid di Afrika Selatan.

Mengapakah dasar itu ditentang?

- A kerana rejim Afrika Selatan menindas orang berkulit hitam di negaranya
- B kerana Afrika Selatan menyekat kemasukan barangan dari Negara-negara Membangun
- C kerana Afrika Selatan menyekat pelabur-pelabur Malaysia masuk ke negaranya
- D kerana Afrika Selatan menindas kaum Melayu di negara terbabit

45. Dasar Sukan kebangsaan 1988 telah mengenal kepentingan sukan dalam pembinaan negara. Objektif dasar ini ialah

- A menimbulkan minat masyarakat untuk bersukan bagi menjamin kesihatan diri
- B mengembangkan masyarakat yang berdisiplin dan bersatu padu melalui penyertaan dalam sukan
- C menjalinkan semangat kerjasama dan harmoni masyarakat
- D membentuk identiti kebangsaan melalui sukan



Rajah di atas merujuk kepada pentingnya Kebudayaan Kebangsaan dengan tujuan

- A semangat kepimpinan
- B masyarakat dinamik
- C identiti nasional
- D taraf hidup

47. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ditugaskan membentuk Kebudayaan Kebangsaan dengan tujuan

- A mewujudkan masyarakat yang berdisiplin
- B mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum
- C mewujudkan masyarakat yang mengutamakan kebudayaan ibunda masing-masing
- D memperkenalkan kebudayaan negara kepada dunia luar

48. Deklarasi Bangkok pada 8 Ogos 1967 adalah satu detik penting bagi kerjasama serantau di Asia Tenggara.

Apakah detik bersejarah tersebut?

- A penubuhan ASEAN
- B tamatnya konfrontasi Indonesia
- C penubuhan ASA
- D tamatnya Revolusi Komunis

49. Mengikut perlembagaan yang dibentangkan oleh Suruhanjaya Reid, pilihan raya akan diadakan lima tahun sekali.

Apakah tujuan pilihan raya tersebut diadakan?

- A untuk memilih Perdana Menteri yang baru
- B untuk memilih ahli Dewan Parlimen yang baru
- C untuk memilih menteri-menteri kerajaan yang baru
- D untuk memilih Yang di-Pertuan Agung yang baru

50.

Tahun Melawat Thailand 1989 Tahun Melawat Malaysia 1990 Tahun Melawat Indonesia 1991
--

Apakah tujuan utama ASEAN melancarkan ketiga-tiga kempen tersebut?

- A menggalakkan rakyat tempatan melawat ke negara-negara jiran
- B menggalakkan pelancong dari seluruh dunia melawat ke negara-negara ASEAN
- C menggalakkan rakyat melawat ke negara-negara Eropah
- D mengeratkan hubungan dengan negara-negara jiran

51. Kedatangan Islam membawa kesan kepada kerajaan Melaka.

Apakah kesan tersebut?

- I bahasa Melayu diperkaya dengan istilah baru
- II hukum Islam diserap ke dalam undang-undang Melaka
- III sistem perhambaan ditamatkan
- IV sistem pendidikan diwujudkan

- A I,II,dan III
- B I,II,dan IV
- C I,III dan IV
- D II,III,dan IV

52. Seringkali dikatakan bahawa Johor mewarisi kegemilangan Melaka. Yang manakah antara yang berikut membuktikan pernyataan tersebut?

- I Riau berkembang sebagai pusat perdagangan
- II Riau terkenal sebagai pusat persuratan Melayu
- III Sultan Abdul Jamil II berjaya menjadikan Johor sebagai pusat perkembangan agama Islam
- IV Johor mempunyai empayar yang luas

- A I,II,dan III
- B I,II,dan IV

C I,III,dan IV

D II,III,dan IV

53. Pembinaan landasan kereta api di Tanah Melayu sejak tahun 1883 telah membawa kesan-kesan tertentu.

Apakah kesan-kesan tersebut?

I menggalakkan perkembangan industry bijih timah

II memendekkan perjalanan dari bandar ke pelabuhan

III menggalakkan penerokaan banyak kawasan hutan

IV menggalakkan pertumbuhan bandar baru di pedalaman

A I,II,dan III

B I,II,dan IV

C I,III,dan IV

D II,III,dan IV

54. Yang manakah antara perkara-perkara berikut terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri?

I agama Islam

II kerajaan tempatan

III pertanian dan perhutanan

IV keselamatan dalam negeri

A I,II,dan III

B I,II,dan IV

C I,III,dan IV

D II,III,dan IV

55. Parti Perikatan telah mengkaji laporan Suruhanjaya Reid dan membuat beberapa pindaan.

Apakah antara pindaan-pindaan yang dilakukan?

I bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di sekolah rendah

II Agama Islam diakui sebagai agama rasmi

III Seseorang tidak memiliki dua kerakyatan pada satu-satu masa

IV hak istimewa orang melayu dipertimbangkan atas arahan Yang Dipertuan Agong

A I,II,dan III

B I,II, dan IV

C I,III,dan IV

D II,III,dan IV

56. Rancangan Persekutuan telah mencemaskan kaum-kaum bukan Melayu tetapi merupakan satu kemenangan kepada kaum Melayu.
Mengapakah wujudnya perbezaan tersebut?

- I rancangan itu menandakan sikap British yang terlalu bertolak ansur
- II syarat kewarganegaraan telah diketatkan
- III kaum bukan Melayu tidak diwakili dalam jawatankuasa yang menggubal perlembagaan
- IV British telah menolak cadangan perlembagaan rakyat

- A I,II,dan III
- B I,II,dan IV
- C I,III,dan IV
- D II,III,dan IV

57. Apakah usaha kerajaan bagi mengurangkan peratus kemiskinan penduduk luar bandar?

- I memberikan tapak niaga kepada penduduk luar bandar
- II memajukan pertanian luar bandar
- III memberi kemudahan kewangan kepada penduduk luar bandar
- IV menempatkan mereka di bandar-bandar

- A I,II,dan III
- B I,II, dan IV
- C I,III,dan IV
- D II,III, dan IV

58. Akta Bahasa Kebangsaan digubal pada tahun 1967.Apakah kandungan akta tersebut?

- I Bahasa Kebangsaan digunakan dalam semua upacara rasmi
- II Bahasa Inggeris boleh digunakan sebagai bahasa penghantar di universiti
- III Bahasa Inggeris boleh digunakan dalam Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dengan kebenaran Yang Dipertua Dewan
- IV Ahli Dewan Undangan Sabah dan Sarawak dibenar menggunakan bahasa Inggeris sehingga sepuluh tahun selepas merdeka

- A I,II,dan III
- B I,II,dan IV
- C I,III,dan IV
- D II,III,dan IV

59. Dalam usaha memajukan bahasa Melayu, kerajaan telah menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Apakah matlamat DBP?

- I memaju dan memperkaya bahasa kebangsaan
- II mencetak dan menerbitkan buku dalam bahasa kebangsaan
- III membuat kajian sejarah
- IV menyamakan ejaan dan bunyi sebutan

- A I,II,dan III
- B I,II,dan IV
- C I,III, dan IV
- D II,III, dan IV

60. Antara berikut,yang manakah merupakan sumbangan Malaysia kepada PBB?

- I menghantar pasukan tentera pendamai ke Congo
- II menyokong pemberontakan di Zimbabwe
- III menghantar tentera ke Namibia
- IV menentang dasar Apartheid di Afrika Selatan

- A I,II,dan III
- B I,II, dan IV
- C I,III,dan IV
- D II,III,dan IV

SKEMA JAWAPAN

1 D	11 C	21 A	31 C	41 B	51 B
2 C	12 A	22 C	32 C	42 D	52 C
3 D	13 A	23 B	33 C	43 B	53 C
4 C	14 A	24 B	34 C	44 A	54 A
5 D	15 B	25 A	35 C	45 B	55 D
6 B	16 A	26 D	36 C	46 C	56 A
7 C	17 C	27 B	37 D	47 B	57 D
8 A	18 C	28 B	38 A	48 A	58 C
9 D	19 C	29 C	39 A	49 B	59 B
10 C	20 A	30 B	40 C	50 B	60 C